

From: STML - Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi & Logistik
Sent: Wednesday, April 18, 2018 9:13 AM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup
Subject: PROGRAM PENYEDIAAN BAJA KOMPOS & ORGANIK



18 APR 2018/ 02 SYABAN 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

YBhg. Datuk/Dato/Datin/YBrs. Prof/Prof. Madya/Dr/Tuan/Puan

PROGRAM PENYEDIAAN BAJA KOMPOS & ORGANIK: KURSUS PENGURUSAN & KEJURUTERAAN ALAM SEKITAR



STMLL ONLINE: Satu Program Penyediaan Asas Baja Kompos dan Organik anjuran kelas kursus Pengurusan dan Kejuruteraan Alam Sekitar (Kumpulan B) telah diadakan pada 10 April 2018 yang lalu dengan disertai seramai 40 pelajar Pengurusan dan Kejuruteraan Alam Sekitar serta 20 Pelajar Enactus, Universiti Utara Malaysia bersama pensyarah Dr. Zakirah Othman serta Penolong Pendaftar, Encik Anuar Mahayudin Mokhtar dari Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML). Program ini telah menjemput pihak dari Jabatan Pertanian, Bahagian Hortikultur negeri Kedah iaitu Puan Latipah Omar dan Encik Shahini Kamis bagi memberikan taklimat serta menunjukkan demo mengenai cara penyediaan baja kompos dan organik menggunakan beberapa bahan organik terpilih. Hasil program ini telah menghasilkan 5 jenis baja iaitu Instant IMO (Tinja Ayam + Top Soil + Dedak Halus), FPJ Kangkung, FFJ Pisang, FAA Ikan, OHN Halia dan OHN Bawang Putih.

Menurut Pensyarah Kursus Pengurusan dan Kejuruteraan Alam Sekitar (Kumpulan B) Dr. Nurul Azita Salleh, tujuan program ini diadakan adalah bagi memberikan pendedahan dan meningkatkan pengetahuan pelajar mengenai cara penyediaan baja kompos dan organik serta sebagai persediaan menjadi duta kecil atau wakil UUM untuk Program *Service Learning* iaitu bagi memberikan tunjuk ajar mengenai penyediaan baja kompos kepada komuniti masyarakat. Malah, program ini juga dapat memupuk semangat bekerjasama dan mengeratkan hubungan di kalangan pelajar dalam melaksanakan sesuatu aktiviti sebagai satu pasukan.

Sekian.



Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi & Logistik (STML), Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Malaysia
Website: <http://stmlportal.net/> | Tel: +6049287001 | Fax: +6049287070 | Email: stmlnet@uum.edu.my |



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.